

08/01/1997

BN masih boleh diterima

KUALA LUMPUR, Selasa - Kekalahan tipis Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Pulai Chondong tidak bermakna BN tidak diterima di Kelantan, kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Malah, katanya, kekalahan itu juga tidak menggambarkan BN tidak boleh menguasai Kelantan pada masa akan datang.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun sudah kata beberapa kali, pilihan raya kecil Pulai Chondong bukan ujian buat BN di Kelantan.

"Memang kita tidak nafikan dulu kawasan itu (Pulai Chondong) adalah kawasan kita, kemudian apabila Umno berpecah, ia dikuasai pula oleh Parti Melayu Semangat 46 (S46)," katanya kepada pemberita di majlis pembukaan Persidangan Pelancongan Asean (ATC) di sini, hari ini.

Sebelum ini, kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulai Chondong adalah kubu tradisi BN sejak pilihan raya 1959 dan kemudian dikuasai oleh Parti Melayu Semangat 46 mulai pilihan raya 1990.

Sabbaruddin turut menafikan kekalahan berkenaan berikutan permohonan lebih 120,000 bekas anggota S46 yang masih belum diterima sebagai ahli Umno.

"Kita sudah nyatakan beberapa kali, mereka (bekas ahli S46) bukannya tidak diterima sebagai ahli Umno dan saya fikir tidak patut kita menyalahkan mereka ataupun sesiapa.

"Saya meminta semua pihak supaya tidak mencari mangsa untuk dipersalahkan. Kita kena kaji dan lakukan analisis kenapa kalah, bukannya apabila kalah saja mesti nak mencari seseorang untuk dipersalahkan," katanya.

Ditanya kemungkinan jentera BN tidak cukup kuat bagi menghadapi pilihan raya kecil itu, beliau berkata BN boleh memperbaiki dan memperkuat jentera BN pada masa hadapan.

Sehubungan itu, beliau berharap semua pihak dapat bekerjasama memperbaiki keadaan di kawasan berkenaan bagi kepentingan rakyat dan tidak asyik bergaduh mencari kesalahan sesama sendiri.

"Apa yang penting, kita perlu memperbaiki beberapa keadaan tertentu, tetapi ini bukan bermakna keadaan tidak baik di sana. Kita mesti sentiasa memperbaiki sesuatu itu bagi kebaikan bersama," katanya.

(END)